

PM pengerusi jawatankuasa Kabinet UM mengenai ^{23/6/07} tenaga

PUTRAJAYA 22 Jun - Kerajaan akan merangka strategi jangka panjang bagi menangani isu sumber tenaga yang semakin berkurangan dan subsidi minyak, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi.

Untuk tujuan itu, menurut beliau, sebuah jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga telah ditubuhkan yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tambahnya, mesyuarat pertama jawatankuasa itu akan diadakan secepat mungkin.

"Kita sedang melihat apakah strategi jangka masa panjang negara ini membabitkan penggunaan tenaga.

"Kita mempunyai dua isu utama iaitu sumber tenaga yang sedang berkurangan dan juga dasar pemberian subsidi minyak yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri pada majlis pelancaran Program Suria 1,000 Kebangsaan di sini hari ini.

Menurut Mohd. Effendi, kerajaan mempunyai sejarah yang panjang dalam memberikan subsidi minyak yang kini mencecah RM25 bilion setahun.

Dalam hal ini, tegas beliau, kerajaan tidak boleh terus memberikan subsidi sebaliknya negara perlu meneroka cara baru dalam mengeksploitasi sumber tenaga diperbaharui termasuk daripada sumber cahaya suria.

"Kita sedang berusaha merangka satu strategi baru yang lebih mapan untuk jangka masa panjang.

"Antara yang kita mesti lihat ialah tentang isu subsidi," kata beliau.